

'Tak pernah menyesal sertai PALAPES'



Zhen Xuan (kanan) bersama Wei Qie serta Yuganathsn dan N Nageshwaran (kiri) bangga menganggotai PALAPES UMPSA. (Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

Isu bangsa bukan halangan berkorban demi negara

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhnews@bh.com.my

Pekan: "Implan saya selepas ini hanya satu, ingin terus berkhidmat sebagai tentera, sekali gus mencapai implan sejak kecil," kata Yoong Zhen Xuan, 24.

Selepas tiga tahun menjadi Pegawai Kadet Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) kampus Pekan, dia berazam untuk berkhidmat dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Zhen Xuan berkata, dia tidak pernah menyesal atau rendah diri menganggotai PALAPES yang disifatkannya berjaya mencetuskan semangat cinta dan sayangkan negara kepada dirinya.

"Setiap kali menyarung seragam PALAPES, saya akan berasa megah dan bangga. Malah setiap

kali mengikuti latihan kawad dan pertempuran bersama rakan berbangsa Melayu, saya tak pernah berasa disisihkan.

"Isu bangsa bukan halangan buat saya berkorban untuk negara dicintai ini. Faktor ini mendorong saya untuk berkhidmat dalam ATM selepas menamatkan pengajian di UMPSA nanti," katanya.

Beliau ditemui pada Perbarisan Penutup Latihan Kem Tahunan Gabungan Rejimen 505 Askar Wataniah dan PALAPES UMPSA 2024 di Kem Force 136 di Sungai Miang, di sini semalam.

Zhen Xuan yang sedang me-

lanjutkan pengajian Ijazah Kejuruteraan Mekanik, berkata minatnya menyertai PALAPES mendedahkan dirinya terhadap latihan ketenteraan yang menguji ketahanan fizikal dan mental.

Semangat setia kawan

"Saya juga berpeluang belajar cara memasak dan iktiar hidup dalam hutan selain dapat membentuk semangat setia kawan tanpa mengira bangsa.

"Saya berharap lebih ramai lagi penuntut berbangsa Cina, India dan bangsa lain dapat menganggotai PALAPES sepanjang belajar di universiti," ka-

tanya yang berasal dari Ipoh, Perak.

Rakannya, Tan Wei Qie, 22, berkata PALAPES memberi pendedahan untuknya lebih berkari dan menjalin persahabatan dengan rakan pelbagai bangsa serta latar belakang.

Katanya, walaupun penat mengikuti latihan kawad dan aktiviti ketenteraan, ia tidak melemahkan semangatnya untuk terus menganggotai PALAPES.

Sementara itu, D Yuganathsn, 21, berbangga terpilih menganggotai PALAPES yang dapat membentuk jati diri serta semangat cinta pada negara.